



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel: 604 - 928 4000

"KEDAH SEJAHTERA"

BEND20110523-KB1350

23 Mei 2011

PEKELILING BENDAHARI BIL.8/2011

Semua Penolong Naib Canselor/Ketua Jabatan/Pengarah
Universiti Utara Malaysia

YBhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan

KADAR BARU BEKALAN PAKAIAN SERAGAM KAKITANGAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.


Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang ke -72 (Bil. 2/2011) telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan Bil 6/2011 mengenai Peraturan dan Kadar Bekalain Pakaian Seragam.

Pekeliling Perbendaharaan Bil 6/2011 menetapkan kaedah membekal pakaian seragam iaitu:

- i. Mengurus bekalan pakaian seragam yang siap dijahit mengikut prosedur perolehan yang berkuat kuasa
- ii. Mengurus bekalan kain dan perkhidmatan jahitan secara berasingan mengikut prosedur perolehan yang berkuat kuasa, dan
- iii. Mengurus bekalan kain secara berasingan dan mengagihkan kepada pegawai mengurus sendiri jahitan dan membuat tuntutan bayaran balik berdasarkan kadar maksimum yang ditetapkan.

Perbandingan antara kadar upah menjahit sebelum ini dan kadar Pekeliling Bil 6/2011

Bil	Jenis Pakaian	Kadar lama RM	PP Bil 6/2011 RM
1	Sepasang seluar panjang dan baju	90.00	-
2	Baju Lengan Panjang / Pendek	-	100.00
3	Sehelai seluar panjang	-	130.00
4	Jaket / Overcoat	60.00	100.00
5	Overall	-	150.00
6	Sepasang Baju Kurung Wanita	-	120.00



Bagi upah menjahit untuk Baju Guru Katering, Bush Jacket dan Pakaian Istiadat Pengawal Keselamatan kadarnya adalah seperti jadual dibawah:

Bil	Jenis Pakaian	Kadar RM
1	Baju Guru Katering	60.00
2	Bush Jacket	200.00
3	Pakaian Istiadat Pengawal Keselamatan	180.00

Adalah dimaklumkan mesyuarat pakaian seragam 2011 pada 12 Januari 2011 telah bersetuju:

- i. Bagi tempahan menjahit , staf dibenarkan membuat tempahan dengan mana-mana pembekal kecuali jahitan pakaian seragam Pembantu Am Rendah yang akan diurus melalui Jabatan Pendaftar dengan Syarikat Jamilah Fashion.
- ii. Kadar harga kain tidak melebihi RM15/meter mengikut kesesuaian.
- iii. Universiti telah bersetuju untuk melantik syarikat-syarikat berikut sebagai pembekal kain untuk pakaian seragam staff bagi tahun 2011.

1. ALAMODA SILK HOUSE SDN BHD

NO 1-6, JALAN LAGENDA 2
LEGENDA HEIGHTS
08000 SUNGAI PETANI
KEDAH
TEL / FAX : 04-4256465 / 04-4256466

2. PUSAT MEMBELI BELAH KAMDAR SDN BHD

68, JALAN LANGGAR
05460 ALOR SETAR
KEDAH
TEL / FAX : 04-7337708 / 04-7337897

- iv. Kain dibekalkan oleh pembekal yang dilantik serta pembelian diuruskan oleh PTJ masing-masing.
- v. Pembayaran upah menjahit perlu didahulukan oleh staf dan kemudian membuat tuntutan dari PTJ masing-masing dengan mengemukakan bukti dan resit.
- vi. Tuntutan upah menjahit adalah mengikut kadar diatas serta kemukakan resit untuk bayaran melalui PTJ masing-masing. Staf boleh membuat tuntutan mengikut kadar tersebut atau harga resit sebenar mengikut mana yang lebih rendah.
- vii. Peruntukan kasut dinaikan sebanyak RM100.00 sepasang

Bagi Bekalan Kasut , Pekeliling Bil 6/2011 memberi dua pilihan iaitu:

- i. Agensi menguruskan pembekalan kasut, atau
- ii. Pegawai mengurus pembelian sendiri dan menuntut bayaran balik berdasarkan kadar yang telah ditetapkan.

Perbandingan harga kasut sebelum ini dan kadar Pekeliling Bil 6/2011

Bil	Jenis Bekalan	Kadar Lama RM	PP Bil 6/2011 RM
1	Sepasang kasut kulit	80.00	(maksimum) 150.00
2	Sepasang Kasut / Boot Keselamatan (Trafik)	-	(maksimum) 250.00

Sesuai dengan saranan kerajaan dalam mengawal perbelanjaan, Pusat Tanggungjawab diharap dapat memastikan perbelanjaan untuk pembelian kasut dapat dipantau dan keputusan mesyuarat tentang pakaian seragam staf 2011 pada 12 Januari 2011 boleh dijadikan panduan.

Kerjasama dan perhatian yang sewajarnya dari Pusat Tanggungjawab berhubung perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menurut perintah


(HJ. AMRON MAN)
Bendahari
Universiti Utara Malaysia

s.k. - Edaran